

PROGRAM SEHARI BERSAMA PDRM

24 Mei 2023 - Program Sehari Bersama PDRM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Seberang Perai(PSP) telah berlangsung di Dewan Kuliah Utama(DKU) dan Dataran PSP.

Seramai hampir 40 orang anggota PDRM dan 200 orang pelajar PSP terlibat dalam program ini. Antara pengisian program ini adalah sesi ceramah, pameran berkaitan jenayah, narkotik, komersial dan trafik serta pameran aset-aset PDRM dan kaunter semakan saman.

Program ini telah dirasmikan oleh YDH ACP Tan Cheng San, Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah. Turut hadir adalah Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Encik Shuhaimi bin Samanol dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ts. Mohamad Annuar bin Morzuke.

Terima kasih diucapkan kepada pihak PDRM khususnya Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah kerana sudi memilih PSP untuk menjayakan program ini.



